Latihan 1

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Mungkin sejak kedatangan Kelabu, aku telah mengabaikan Oren," bisiknya kepada diri sendiri. Dia menyesal dengan tindakannya membiarkan Oren. Dia terimbas kembali kenangan ketika Oren mula-mula menjadi sebahagian daripada keluarga mereka.

Petang itu, dia pulang dari pejabat agak lewat daripada biasa. Sedang dia memandu keretanya di jalan taman perumahannya, tiba-tiba dia berasa bahawa dia terlanggar sesuatu. Kemudian dia memberhentikan keretanya untuk meninjau benda yang dilanggarnya itu. Dia hanya mampu mengucap apabila seekor kucing terlantar mati di bawah tayar keretanya. Namun, hatinya lebih tersentuh apabila datang seekor anak kucing mengiau-ngiau di hadapan kucing yang tidak bernyawa itu. "Mungkin ibunya," detik hatinya.

Petang itu, dia pulang bersama-sama dengan seekor anak kucing jantan dan yang paling gembira menyambut kepulangan dia ialah Anis. Cepat-cepat anak bongsunya itu mendukung anak kucing tersebut sambil bertanya, "Apakah namanya?" Dengan spontan dia menjawab, "Oren". Nama itu diberikan kerana seluruh bulu kucing itu berwarna oren.

(Dipetik daripada cerpen *Oren*, antologi Kuingin Berterima Kasih,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

(i) Berdasarkan petikan cerpen, apakah yang berlaku setelah "dia" memberhentikan keretanya? [3 *markah*]

_____

_____

(ii) Nyatakan **dua** teknik plot yang terdapat dalam petikan cerpen di atas. [3 *markah*]

_____

_____

(iii) Sekiranya anda "dia", apakah tindakan anda untuk menyelamatkan kucing yang tidak bertuan selain memeliharanya? KBAT *Mengaplikasi* [4 *markah*]

_____

_____

_____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Latihan 2

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Oren juga selama berada di rumahnya seperti tetamu yang selalu menjaga sikapnya. Kebersihan dirinya juga sering diurus sendiri. Oren tidak membuang najisnya di dalam rumah. Oren sentiasa ke tandas atau ke longkang jika ingin membuang najisnya. Tabiat Oren seperti kucing yang telah dididik sebelum dia memungutnya. Namun, dia tidak dapat memulangkan Oren kepada tuan asalnya kerana dia tidak tahu tuannya siapa. Dia juga tidak sanggup membiarkan Oren begitu sahaja kerana dia telah menyebabkan kematian ibu Oren.

Kelabu pada awalnya selalu juga membuang najisnya di merata-rata tempat, tidak terkecuali di dalam rumah sehingga rimas mereka untuk mengajar Kelabu supaya mengikut cara Oren.

Tiba-tiba dia terdengar Oren mengiau-ngiau di luar pintu rumah. Dia lantas bangun menuju ke muka pintu lalu membukanya. Di hadapannya kelihatan Oren dengan raut wajahnya yang sayu. Dia membongkokkan dirinya untuk mengangkat Oren.

"Ke manakah engkau pergi, Oren?" soalnya sambil mengusap-usap belakang kucingnya itu. Dia kehairanan kerana bulu Oren terjaga bersih walaupun telah beberapa hari kucingnya itu tidak pulang ke rumah seolah-olah ada orang yang membersihkannya.

(Dipetik daripada cerpen *Oren*, antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

(i) Berdasarkan petikan cerpen, apakah tabiat positif yang sering dilakukan oleh Oren? [3 *markah*]

_____

_____

(ii) Nyatakan **dua** nilai yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [3 *markah*]

_____

_____

(iii) Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh pemelihara haiwan untuk memastikan haiwan tersebut dalam keadaan yang baik? KBAT *Mencipta* [4 *markah*]

_____

_____

_____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS